# KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
## BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU

## PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN (PISMP) AMBILAN JUN 2013

**Kementerian Pelajaran Malaysia mempelawa calon lulusan Sijil Pelajaran Malaysia yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti program yang ditawarkan dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) seperti yang berikut:**

### 1. KETERANGAN PROGRAM

Nama Program : Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)
Jenis Ijazah : Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian
Mod Kursus : Sepenuh Masa

### 2. STRUKTUR PROGRAM

2.1 Program Persediaan Dua Belas (12) Bulan/Dua (2) Semester
2.2 Program Ijazah Empat (4) Tahun/Lapan (8) Semester

### 3. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS

3.1 Warganegara Malaysia.
3.2 Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2013 iaitu lahir pada atau selepas **30 Jun 1993**.
3.3 Calon hendaklah sihat fizikal dan mental.
3.4 Calon hendaklah aktif dalam kegiatan kokurikulum.
3.5 Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat **cemerlang** dalam mana-mana **tiga (3) mata pelajaran.**

**DAN**

**sekurang-kurangnya kepujian dalam tiga (3) mata pelajaran yang berikut:**

3.5.1 Bahasa Melayu;
3.5.2 Sejarah;
3.5.3 Satu (1) mata pelajaran yang lain;

**serta**

3.5.4 lulus Bahasa Inggeris.

3.6 Memenuhi **syarat dan kelayakan khusus bidang pengajian** yang dipohon (Rujuk e-Panduan Permohonan).

### 4. PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

**4.1 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**

4.1.1 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pelbagai bidang bagi keperluan di sekolah rendah.
4.1.2 Sebagai prasyarat, calon dikehendaki mengikuti **Program Persediaan** selama dua belas (12) bulan/dua (2) semester di institusi berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
4.1.3 Calon mesti **LULUS** Program Persediaan sebelum ditawarkan untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan selama empat (4) tahun/lapan (8) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

### 5. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

**5.1 Sekolah Kebangsaan (SK)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5.1.1 | Bahasa Melayu | 5.1.11 | Pendidikan Jasmani |
| 5.1.2 | Bahasa Inggeris | 5.1.12 | Pendidikan Seni Visual |
| 5.1.3 | Matematik | 5.1.13 | Sejarah |
| 5.1.4 | Sains | 5.1.14 | Muzik |
| 5.1.5 | Pendidikan Khas | 5.1.15 | Pemulihan |
| 5.1.6 | Pendidikan Islam | 5.1.16 | Reka Bentuk dan Teknologi |
| 5.1.7 | Bimbingan dan Kaunseling | 5.1.17 | Bahasa Tamil |
| 5.1.8 | Bahasa Cina | 5.1.18 | Bahasa Arab |
| 5.1.9 | Bahasa Kadazan Dusun | 5.1.19 | Bahasa Iban |
| 5.1.10 | Pra Sekolah | | |

**5.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5.2.1 | Bahasa Melayu | 5.2.9 | Pendidikan Seni Visual |
| 5.2.2 | Bahasa Inggeris | 5.2.10 | Sejarah |
| 5.2.3 | Matematik | 5.2.11 | Muzik |
| 5.2.4 | Sains | 5.2.12 | Pemulihan |
| 5.2.5 | Pendidikan Khas | 5.2.13 | Reka Bentuk dan Teknologi |
| 5.2.6 | Pendidikan Islam | 5.2.14 | Bimbingan dan Kaunseling |
| 5.2.7 | Pendidikan Jasmani | 5.2.15 | Pra Sekolah |
| 5.2.8 | Pengajian Cina | | |

**5.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5.3.1 | Bahasa Melayu | 5.3.9 | Pendidikan Seni Visual |
| 5.3.2 | Bahasa Inggeris | 5.3.10 | Sejarah |
| 5.3.3 | Matematik | 5.3.11 | Muzik |
| 5.3.4 | Sains | 5.3.12 | Pemulihan |
| 5.3.5 | Pendidikan Khas | 5.3.13 | Reka Bentuk dan Teknologi |
| 5.3.6 | Pendidikan Islam | 5.3.14 | Bimbingan dan Kaunseling |
| 5.3.7 | Pendidikan Jasmani | 5.3.15 | Pra Sekolah |
| 5.3.8 | Pengajian Tamil | | |

## PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN BAGI LULUSAN *UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC)* DAN SIJIL MENENGAH AGAMA (SMA) ATAU SIJIL MENENGAH UGAMA (SMU) AMBILAN KHAS JUN 2013

**Kementerian Pelajaran Malaysia mempelawa calon lulusan UEC dan SMA atau SMU yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti Program seperti berikut:**

### 1. KETERANGAN PROGRAM

Nama Program : Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)
Pilihan Ijazah : a) Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (Bahasa Cina Pendidikan Rendah)
b) Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (Pendidikan Islam Pendidikan Rendah)
Mod Kursus : Sepenuh Masa

### 2. STRUKTUR PROGRAM

2.1 Program Persediaan (Dua Belas (12) Bulan/Dua (2) Semester)
2.2 Program Ijazah (Empat (4) Tahun/Lapan (8) Semester)

### 3. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS

3.1 Warganegara Malaysia.
3.2 Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2013 iaitu lahir pada atau selepas **30 Jun 1993.**
3.3 Calon hendaklah sihat fizikal dan mental.
3.4 Calon hendaklah aktif dalam kegiatan kokurikulum.
3.5 Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dengan memiliki sekurang-kurangnya **kepujian Bahasa Melayu serta lulus Bahasa Inggeris.**

### 4. SYARAT TAMBAHAN

**4.1 Lulusan *Unified Examination Certificate (UEC)***

4.1.1 Calon lulusan *Unified Examination Certificate (UEC)* perlu memiliki sekurang-kurangnya **tiga (3) kepujian** di peringkat Sijil *Senior Middle Level (UEC-SML)*.

**4.2 Lulusan Sijil Menengah Agama (SMA) atau Sijil Menengah Ugama (SMU)**

4.2.1 Calon lulusan Sijil Menengah Agama (SMA) atau Sijil Menengah Ugama (SMU) perlu memiliki sekurang-kurangnya **tiga (3) kepujian** di peringkat SMA atau SMU.

### 5. PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

**5.1 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (Bahasa Cina Pendidikan Rendah)**

5.1.1 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi keperluan di sekolah rendah.
5.1.2 Sebagai prasyarat, calon dikehendaki mengikuti **Kursus Persediaan** selama dua belas (12) bulan/dua (2) semester di Institut Pendidikan Guru yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
5.1.3 Calon mesti **LULUS Kursus Persediaan** sebelum ditawarkan untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan selama empat (4) tahun/lapan (8) semester di Institut Pendidikan Guru yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
5.1.4 Dalam tempoh Kursus Persediaan, calon perlu mengikuti **Kursus Khas dan mesti LULUS** dalam tiga (3) mata pelajaran berikut:

i. Bahasa Melayu Komunikasi;
ii. Sejarah; dan
iii. Pendidikan Moral.

**5.2 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (Pendidikan Islam Pendidikan Rendah)**

5.2.1 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi keperluan di sekolah rendah.
5.2.2 Sebagai prasyarat, calon dikehendaki mengikuti **Kursus Persediaan** selama dua belas (12) bulan/dua (2) semester di Institut Pendidikan Guru yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
5.2.3 Calon mesti **LULUS Kursus Persediaan** sebelum ditawarkan untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan selama empat (4) tahun/lapan (8) semester di Institut Pendidikan Guru yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
5.2.4 Dalam tempoh Kursus Persediaan, calon perlu mengikuti **Kursus Khas dan mesti LULUS** dalam tiga (3) mata pelajaran berikut:

i. Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah;
ii. Sejarah; dan
iii. Pendidikan Syariah Islamiah.

### CALON TIDAK LAYAK MEMOHON

1. Calon yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi.
2. Calon yang dikenakan tindakan tatatertib atau sedang dalam proses tindakan tatatertib semasa dalam perkhidmatan awam atau latihan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.
3. Calon yang pernah mengikuti program ikhtisas di Institut Pendidikan Guru, tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan daripada program.
4. Calon yang pernah atau sedang disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah atau tindakan mahkamah.

### CARA MEMOHON

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian ***(online)*** dengan melayari laman sesawang Kementerian Pelajaran Malaysia di alamat : **http://www.moe.gov.my** mulai **22 Mac 2013.**
2. Pemohon dinasihatkan melayari laman sesawang : http://www.moe.gov.my bagi mendapatkan **maklumat iklan, bidang pengkhususan dan gred minimum serta kalendar aktiviti** sebelum membuat permohonan.
3. Calon dibenarkan mengemukakan **SATU (1)** permohonan sahaja.
4. **Permohonan boleh dikemaskini pada bila-bila masa sahaja dan hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima nombor rujukan sebagai pengesahan.**
5. Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

### PERINGATAN

**Calon yang berjaya ditawarkan program ini dan didapati memalsukan maklumat, Kementerian Pelajaran Malaysia berhak menarik balik tawaran tersebut.**

### TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 MAC 2013 (11.59 MALAM)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan :

**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU**
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**
**ARAS 3, BLOK E13, PARCEL E**
**KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62604 PUTRAJAYA**
**(u.p : Sektor Pengambilan dan Pendaftaran Latihan)**
**No. Telefon : 03-88841260/1280/1249/1242/1259/1230/1240**

**URUS SETIA**
**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU**
**Cawangan Sabah**
**d/a Institut Pendidikan Guru**
**Kampus Gaya**
**Peti Surat 10491,**
**88805 Kota Kinabalu,**
**Sabah.**
**No. Telefon : 088-236804**

**URUS SETIA**
**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU**
**Cawangan Sarawak**
**Jalan College,**
**93259 Kuching,**
**Sarawak.**
**No. Telefon : 082-258045**

14330047